

**PENYELIDIKAN**  
“KAJIAN KEBERKESANAN KOMUNIKASI KEPENGARANGAN”

**Penyelidik:**

Sulaiman bin Salleh  
Pensyarah Jabatan Komunikasi  
Fakulti Pengurusan dan Muamalah  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

---

**Abstrak**

Kajian mengenai “Keberkesanan Komunikasi Kepengarangan” ini dilakukan bagi membincangkan keberkesanan kepengarangan, yang diperlukan bagi ketepatan komunikasi penulisan. Ketepatan komunikasi penulisan perlu dititikberatkan untuk memastikan idea, kefahaman serta ilmu pengetahuan yang ada pada pengarang dapat disalurkan kepada pembaca sasaran dengan berkesan. Berdasarkan pandangan sarjana yang mengkaji mengenai keberkesanan komunikasi penulisan terdapat hubungan yang rapat antara idea, kefahaman dan ilmu pengetahuan yang ada pada pengarang. Pengkajian ini juga menemui lain-lain faktor bagi keberkesanan komunikasi kepengarangan antaranya pemikiran, kemahiran berfikir, kreativiti pengarang, budaya dan sebagainya.

---

**1.1 PENGENALAN**

Bidang komunikasi menekankan keberkesanan atau ketepatan komunikasi yang dilaksanakan, samada komunikasi lisan, bukan lisan atau saluran komunikasi yang menggunakan penulisan atau visual. Perbincangan mengenai keberkesanan komunikasi penulisan membabitkan pengarang, iaitu individu yang mengarang sesuatu penulisan yang diperolehi daripada idea dan ilmu pengetahuan berkaitan yang ada pada dirinya.

Menyatakan maksud pengarang, Dewan Bahasa dan Pustaka (2010) mendefinisikan pengarang sebagai orang yang mengarang cerita (lagu, sajak dan sebagainya) atau orang yang menyunting karangan untuk diterbitkan. Perbincangan mengenai tajuk kajian, penumpuan perbincangan akan menumpukan kepada definisi pengarang. Individu berkenaan dijelaskan sebagai orang yang mengarang cerita, lagu, sajak dan sebagainya. Perbicaraan mengenai definisi yang dikemukakan itu mempunyai hubungan pendapat yang dikemukakan oleh Hamed Mohd Adnan.

Hamed Mohd Adnan (2008) menyatakan pengarang ialah orang yang menyusun gagasan atau idea yang kemudiannya disebar luas melalui buku. Hamed seterusnya mengaitkan maksud pengarang itu dengan lebih luas. Beliau menyatakan bahawa pengarang adalah seseorang, atau suatu kelompok orang, suatu lembaga, pemerintah, dan badan yang mempunyai tanggungjawab terhadap idea yang disusun. Dinyatakan bahawa pengarang milik mutlak akan karya yang dihasilkan.

**1.2 Permasalahan Kajian**

Kajian mengenai keberkesanan komunikasi kepengarangan ini dilakukan bagi mendapatkan penjelasan mengenai:

- a. Ketepatan komunikasi yang menggunakan kaedah penulisan.
- c. Ketepatan komunikasi penulisan dengan idea yang diperolehi oleh pengarang.

### 1.3 Tujuan Kajian

Penyelidik mendapati terdapat beberapa faktor mengapa kajian ini perlu dilakukan:

- a. Ketepatan penulisan yang dihasilkan oleh pengarang selepas memperolehi sesuatu idea.
- b. Untuk mendapatkan kaedah yang sesuai bagi mencapai ketepatan terhadap komunikasi penulisan yang dilakukan.

### 2.1 Kajian-kajian lalu

Berdasarkan pandangan beberapa sarjana yang berbeza latar belakang budaya, agama, disiplin ilmu dan sebagainya, didapati kajian lalu mengenai keberkesanan komunikasi kepengarangan ini sudah sekian lama mendapat perhatian daripada masyarakat terdahulu.

Antaranya, Ding Choo Ming (1999) menyokong pendapat dua sarjana iaitu Laurenson dan Swingewood mengenai penghasilan sesuatu penulisan. Kedua-dua sarjana ini menyatakan bahawa pengarang terbentuk daripada faktor sosial dan sejarah. Kesannya, setiap hasil penulisan yang dihasilkan oleh seseorang pengarang, akan dipengaruhi oleh faktor sosial dan sejarah pada ketika sesuatu karya dihasilkan.

Susulan daripada yang dikemukakan oleh Ding Choo Ming itu, pengarang berpendapat faktor sosial dan sejarah itu seterusnya melahirkan pendapat seseorang pengarang, seterusnya melahirkan persepsi (gambaran atau bayangan) mengenai sesuatu perkara atau isu. Akhirnya melahirkan idea baru kepada seseorang pengarang. Bagaimanapun, perkara yang dikemukakan oleh pengarang ini mungkin turut dipengaruhi oleh faktor latar belakang pendidikannya. Contohnya, pengarang yang berkelulusan dalam bidang komunikasi akan melihat pendapat dan persepsi sebagai sesuatu yang penting untuk melahirkan sesuatu idea.

Bagi menghasilkan hasil karangan yang bermutu, seseorang pengarang seharusnya menggunakan pengalaman yang ada pada dirinya serta suasana sekeliling. Kurang bermutu sesuatu karya adalah disebabkan oleh ilmu pengetahuan atau pengalaman mengenai bidang yang ditulis.

Seseorang pengarang tidak perlu merasa malu mendedahkan kehidupannya jika dia seorang anak penoreh getah, juga tidak perlu malu jika dilahirkan sebagai anak yang menghadapi kehancuran rumah tangga. Daripada kesusahan yang dialami itu boleh dimanfaatkan untuk mencapai matlamat sesuatu penulisan dihasilkan.

Menurut Zamri Mohamad (2009) kekurangan adalah bonus kepada seseorang menjadi pengarang yang berjaya. Kekurangan diri adalah ciri-ciri yang sering dihadapi oleh sejarawan, pencipta dan tokoh pengubah dunia. Diiringi dengan semangat yang kental dan jitu, kekurangan itu diadun bagi menghasilkan kejayaan yang diidam-idamkan.

Sementara itu, Faizal Tehrani (2008) menyatakan bahawa tiga entiti (sesuatu yang mempunyai kewujudannya yang tersendiri) dalam dunia penulisan iaitu pengarang, karya dan pembaca. Sering berlaku pengarang mengabaikan dirinya sebagai pengarang.

*“Formula untuk menghasilkan sebuah karya yang baik dan berjaya haruslah datang dari seorang penulis yang baik dan faham serba-serbi.”*

Faizal turut memperingatkan tiga perkara yang harus diberi perhatian oleh bakal pengarang:

- a. **Kekuatan peribadi.** Hal ini dinyatakan perkara utama bagi menghasilkan karya yang baik. Penulis beragama Islam seharusnya menganggap bidang penulisan adalah ibadah iaitu perbuatan dan amalan yang dilakukan kerana Allah SWT.

Seterusnya, Faizal menyatakan bahawa:

*“Tugas pengarang yang paling penting dalam karya seninya ialah memanusikan kembali manusia. Dalam al-Quran dijelaskan bahawa manusia dapat terjerumus jatuh ke tempat atau jurang paling rendah ‘asfala safilin’. Tugas untuk mengangkat kembali darjat*

*manusia dari kerendahan yang keji itu boleh dikerjakan melalui agama, moral dan falsafah. Kita berupaya memartabatkan kembali manusia melalui kerja sastera dengan tujuan dan harapan supaya manusia dapat diangkat kembali ke fitrahnya sebagai makhluk yang sebaik-baiknya, semulia-mulianya dan bermartabat manusia.”*

b. **Perkasakan ilmu pengetahuan.** Salah sangka bahawa dunia penulisan sungguh glamour serta penuh bergaya akan menyebabkan impian bakal pengarang tersekat sebelum menjadi pengarang. Kesannya, menimbulkan perasaan putus asa dan menuduh dunia penulisan tidak menawarkan apa-apa ganjaran.

Bagi mengelak perkara ini berlaku mereka yang berminat menjadi pengarang harus mengutamakan ilmu pengetahuan yang diperolehi melalui pembacaan dalam pelbagai jenis ilmu.

Menghayati falsafah yang merupakan satu daripada cabang ilmu yang penting juga diyakini mampu membantu bakal pengarang memperkasakan agama dan budaya yang dianutinya.

Selain itu, Faizal menyatakan bahawa penghayatan terhadap sastera klasik dan ilmu agama juga harus diutamakan. Kedua-duanya adalah ilmu tambahan yang diperlukan bagi memantapkan penulisan yang dihasilkan.

c. **Bidang kepengarangan amanah Allah SWT.** Pengarang mempunyai amanah serta tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Antaranya menyumbang kepada negara, bangsa dan agama. Oleh demikian, karya-karya yang dihasilkan haruslah mendorong ke arah yang dinyatakan itu.

Seorang tokoh bahasa dan pemikir Melayu yang terkenal, Allahyarham Zainal Abidin Ahmad (Za’ba, 1934) menyatakan bahawa mengarang memerlukan penguasaan bahasa dan daya fikiran yang saling berhubung kait. Menurut beliau lagi, terdapat karangan yang mudah dan sukar dicoretkan. Hasil yang dinyatakan oleh Za’ba itu, pengarang berpendapat mudah atau sukar menghasilkan sesuatu karangan adalah bergantung pada penguasaan bahasa dan keupayaan berfikir seseorang pengarang.

*“Bahasa itu alat mengeluarkan fikiran supaya dapat diketahui orang dengan mendengar atau membacanya. Maka jika bahasa yang dipakai itu tidak menepati betul-betul seperti maksud yang di dalam hati, tentulah orang tersalah faham atau tiada dapat oleh mereka tujuan yang dikehendakkan itu.”*

*“Sebab itu bila mengarang wajiblah dihati-hatikan benar apa ertinya perkataan-perkataan yang dipakai di dalamnya, atau bagaimana rangkaian perkataan yang boleh mengeluarkan sebenar-benar maksud yang di dalam hati itu.”*

Kenyataan itu berdasarkan kepada huraian yang dinyatakan oleh Za’ba bahawa bahasa adalah alat mengeluarkan sesuatu yang difikirkan. Seterusnya kefahaman pembaca kepada apa yang difikirkan itu bergantung pada ketepatan bahasa yang digunakan. Penjelasan tokoh bahasa dan pemikir Melayu ini seterusnya mengingatkan kepada pengarang atau bakal pengarang bahawa ketepatan penggunaan perkataan haruslah diutamakan untuk melahirkan karangan atau karya seperti mana yang difikirkan.

Seterusnya, pendeta ini menyatakan bahawa penguasaan tatabahasa iaitu pengetahuan atau pelajaran tentang pembentukan perkataan dan proses pembinaan ayat haruslah dikuasai oleh setiap pengarang. Proses itu dilihat sebagai satu kemahiran yang memerlukan latihan berterusan.

*“Belajar mengarang itu baik pun karangan senang atau karangan susah, tidaklah sekali-kali dikehendakkan mesti dimulai daripada nahu (tatabahasa), melainkan hendaklah dengan jalan yang dibuat dan dibiasakan selalu serta memerhati karangan orang yang pandai-pandai mengarang.”*

Ringkasnya, Za'ba yang merupakan tokoh bahasa dan pemikir Melayu ini menyatakan bahawa untuk menjadi seorang pengarang, beberapa langkah awal haruslah dilakukan:

1. Berfikir dahulu sebelum menulis.
2. Tuliskan peringatan dengan segera menulisnya serta menyusun yang diingati itu dalam bentuk rangka.
3. Rancangkan kepanjangan huraian isi (fakta) yang hendak ditulis dan huraiannya harus sesuai dengan topik perbincangan.
4. Baca semula penulisan yang dihasilkan serta perbaiki kesilapan-kesilapan yang ditemui.
5. Banyakkan membaca karangan atau bacaan yang bermutu.
6. Banyakkan memerhati percakapan orang yang cerdik pandai.
7. Banyakkan mencontohi karangan yang bermutu serta mencontohi cara karangannya.
8. Banyakkan latihan mengarang dengan mengikut gaya sendiri.
9. Selalulah perhatikan hal ehwal serta memikir dan berfikir dengan teratur.

Menurut Za'ba langkah-langkah yang dicadangkan itu berupaya melatih seseorang menjadi pengarang dengan baik, mengarang dengan mengikut gaya sendiri, berfikir sendiri dan mencuba mengeluarkan fikiran-fikiran dengan perkataan yang teratur sama ada dalam bentuk percakapan atau karangan.

Sementara itu, seorang ilmuwan sains sosial Islam, Ibnu Khaldun (1332 hingga 1406 Masehi) menyatakan bahawa golongan pengarang sebagai suatu golongan yang istimewa. Beliau turut menasihatkan kepada golongan pengarang supaya:

1. **Harus teliti** dan tidak mudah menerima atau mempersetujui sumber yang diperolehi. Kurang ketelitian dan menerima sesuatu maklumat tanpa usul periksa akan menyebabkan pemihakan kepada sesuatu pihak sahaja.
2. **Keyakinan melampau.** Samada berpunca kejayaan pemberi maklumat menyakinkan, sikap penulis yang mudah dipengaruhi atau sebagainya. Keyakinan melampau itu akan menyebabkan penulis menerima segala maklumat tanpa usul periksa. Kesannya kemungkinan penulis akan menerima maklumat palsu yang dianggap benar.
3. **Tersilap menafsir maklumat.** Terdapat penulis yang tersilap menafsir maklumat yang didengar atau diterima. Sebaliknya, difahami maklumat itu mengikut tafsirannya sendiri. Kesannya, maklumat itu tidak mengikut seperti mana yang dimaksudkan oleh pemberi maklumat.
4. **Tidak jelas maksud yang tersirat.** Kesilapan seperti ini kebiasaannya membabitkan maklumat yang sukar dijelaskan dengan kata-kata. Penulis mempunyai peranan untuk menjelaskan dalam bahasa yang mudah melalui tulisan atau laporannya. Harus diingati bahawa terdapat pemberi maklumat yang tidak dapat menjelaskan sesuatu melalui kata-kata.
5. **Gagal meletakkan sesuatu peristiwa dalam seluruh keadaan** atau latar belakang yang sebenar. Kejadian ini berlaku disebabkan oleh kekaburan atau kerumitan sesuatu peristiwa. Kaijan yang lebih mendalam perlu dilakukan bagi mengelak kesilapan.
6. **Mengampu.** Perbuatan mengampu mereka yang berkedudukan lebih tinggi dengan cara memuji dan menyebarkan kemasyhuran atau kehebatan seseorang individu. Kesannya maklumat sedemikian memberi gambaran yang serong terutama membabitkan individu berkenaan.
7. **Jahil mengenai fitrah** atau *natures* sesuatu perkara. Kejadian ini memerlukan peningkatan ilmu pengetahuan. Hanya melalui ilmu dan ketepatan dalam menafsir fitrah atau *nature* dapat membezakan antara kebenaran dan kepalsuan terutamanya membabitkan hukum alam.

8. **Membesar-besarkan sesuatu hal.** Perbuatan membesar-besarkan sesuatu hal hingga melebihi batasan fikiran adalah disebabkan keasyikan bercerita atau menulis mengenai hal berkenaan. Perkara ini berlaku mungkin juga disebabkan oleh penulis atau wartawan berkenaan sengaja melakukannya bagi meningkatkan jualan akhbar, majalah dan lain-lain penerbitan tempatnya bekerja. Bagaimanapun, perbuatan itu dapat dinilai kebenarannya melalui pengalaman atau ilmu berkaitan dengannya.

## PENUTUP

Semasa sesuatu penulisan dihasilkan seseorang pengarang haruslah mempunyai matlamat yang jelas mengenai arah tuju penulisannya. Pengarang juga harus berdedikasi, sanggup mengabdikan diri dan masa kepada bidang penulisan; berdisiplin; pengurusan waktu yang baik; komitmen dengan usaha yang dilakukan; prihatin terhadap pergolakan kehidupan sekeliling; mendalami ilmu yang berkaitan; menggunakan pengalaman sesuai; manfaatkan bakat semula jadi atau yang diasah; telus semasa berkarya; dan penguasaan bahasa yang baik.

Pengarang yang mematuhi perkara-perkara yang dinyatakan itu mampu mendorong dirinya menambahkan kepandaian; berketerampilan dalam berkarya; lebih kreatif; bersabar; tekun; teliti; dan hasilnya seseorang pengarang akan memperoleh ganjaran sama ada dalam bentuk kepuasan atau wang.

Bagaimanapun, sebelum yang dinyatakan itu menjadi kenyataan seseorang pengarang haruslah mempunyai buah fikiran atau idea yang baik. Idea yang baik mempunyai hubungan dengan otak. Otak yang sihat akan menghasilkan idea yang sihat. Sebaliknya, otak yang tidak sihat akan menggerakkan hati untuk menghasilkan atau mencapai sesuatu yang tidak sihat kerana organ ini berfungsi untuk mengawal pemikiran serta perasaan seseorang. Dihalusi lagi, idea yang terhasil melalui otak dipengaruhi oleh perasaan, fikiran, cita-cita dan sebagainya yang terkandung dalam hati yang dikenali sebagai jiwa.

Seterusnya, penghasilan penulisan yang baik juga harus melihat dari segi pembentukan jiwa yang mempunyai hubungan dengan ciptaan Tuhan seperti hubungan sesama manusia, hubungan dengan alam dan haiwan. Persoalan itu akan membawa diri pengarang untuk kembali kepada ajaran agama dan Tuhan yang Maha Agung.

## **RUJUKAN**

Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2007). Kuasa Berfikir Kreatif: Teknik menyelesaikan masalah secara kreatif. PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.

Ding Choo Ming. Raja Aisyah Sulaiman (1999): Pengarang Ulung Wanita Melayu. Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

Dr Mohd Sani Badron (2011). Faham Insan Dalam Proses Ta'dib. Wacana Ta'dib Kakitangan Akademik Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). KUIS, Selangor. 2011.

Faizal Tehrani (2008). Karya Nan Indah. Al-Ameen Serve Holdings. Kuala Lumpur.

Hamed Mohd Adnan (2008). Memahami Penyuntingan Naskhah. Medium Publication. Bandar Baru Bangi.

Hamed Mohd Adnan (2008). Memahami Penerbitan Buku. Medium Publication. Bandar Baru Bangi.

Kamus Dewan (2010). Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khaldun (2002). Mukadimah. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Mohd Sidin Ahmad Ishak (1999). Keterampilan Menulis. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Mus Chairil Samani (2005). Penulisan Rencana Berkesan. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Susan R. Horton (1993). Penulisan: Cetusan Fikiran (terjemahan). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Za'ba (2002). Ilmu Mengarang Melayu: edisi ejaan rumi Bahru. Dewan Bahasa dan Pustaka.